



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 20/1980**

**Menyerah Hak Oleh Pemegang Tanah Pegangan Desa
(*Rural Holding*) Atau Bandar (*Urban Holding*) (Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 20/1980
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 20/1980

**Menyerah Hak Oleh Pemegang Tanah Pegangan Desa (*Rural Holding*)
Atau Bandar (*Urban Holding*) (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pentadbir Tanah dan Pengurus-pengurus bagi rancangan tanah yang dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mengenai penyenggaraan rekod-rekod penyerahan hak yang dibuat di bawah seksyen 24 dan 29 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960.

2. Seseorang pemegang pegangan desa (*rural holding*) adalah dibenarkan di bawah subseksyen 24(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 menyerah haknya bagi pegangan tersebut kepada orang lain yang layak menjadi pemegang di bawah seksyen 19 dan dianggap sesuai oleh Pentadbir Tanah/Pengurus. Pemegang pegangan bandar (*urban holding*) pula adalah dibenarkan oleh seksyen 29 akta tersebut menyerah haknya kepada mana-mana orang atau badan yang diluluskan oleh Pengarah yang dilantik khas untuk tujuan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 atau Pengerusi FELDA. Sesuatu penyerahan hak oleh pemegang pegangan desa atau bandar hendaklah dibuat dalam Borang 'C' Akta tersebut yang mengandungi empat bahagian: penyempurnaan oleh pemegang, penyempurnaan oleh orang yang menerima penyerahan hak itu, persetujuan Pengarah /Pengerusi FELDA atau Pentadbir Tanah/Pengurus dan kenyataan bahawa penyerahan hak itu telah dicatatkan di dalam daftar pegangan (*register of holding*) oleh Pentadbir Tanah/Pengurus.

3. Sesuatu borang penyerahan hak adalah memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah/Pengurus mengubahkan nama pemegang dalam daftar pegangan (*register of holding*) dan dengan itu borang tersebut adalah satu dokumen yang sangat mustahak yang perlu dijadikan sebahagian daripada rekod kekal pejabat tanah, iaitu, ianya mestilah difailkan dan dijilid dalam 100/200 helai bagi setiap satu jilid. Mengikut amalan sekarang mengenai penyenggaraan rekod-rekod pendaftaran urusan, maka adalah mustahak juga disimpan satu Buku Perserahan bagi merekodkan semua urusan yang diterima mengenai pegangan-pegangan di beberapa tempat dalam daerah itu. Buku Perserahan tersebut hendaklah digunakan hanya untuk penyerahan hak, perintah Pentadbir Tanah dan perintah Mahkamah yang melibatkan pegangan-pegangan di dalam kawasan petempatan berkelompok. Setelah diterima surat penyerahan hak ataupun perintah, Pentadbir Tanah/Pengurus mestilah mencatatkan di dalam daftar pegangan dalam Borang 'A' nama pemegang yang baharu, tarikh perserahan, nombor perserahan dan nombor fail (nombor perserahan) bagi penyerahan atau perintah itu.

4. Pentadbir Tanah dan Pengurus-pengurus Rancangan Tanah adalah dinasihatkan iaitu:-
 - 4.1. satu buku perserahan hendaklah disimpan bagi maksud merekodkan penerimaan penyerahan hak dalam Borang 'C', perintah-perintah Pentadbir Tanah/Mahkamah yang melibatkan pegangan-pegangan di dalam kawasan petempatan berkelompok;
 - 4.2. penyerahan hak dalam Borang 'C' dan dokumen-dokumen lain hendaklah dicatatkan dengan nombor perserahan, dan difailkan seperti suratcara urusan yang lain.
5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 21/1974 dengan ini dibatalkan.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan